

15/08/1997

Lapangan terbang Pulau Pinang dipindah

JITRA, Khamis - Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang mungkin ditutup dan operasinya dipindahkan ke lapangan terbang antarabangsa baru yang bakal dibina di kawasan tebus guna berhampiran Kuala Muda, Kedah.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, langkah itu perlu kerana jika lapangan terbang di Bayan Lepas tidak boleh diperbesarkan, ia tidak mampu memenuhi keperluan berikutan pertumbuhan pesat di wilayah utara.

Tapak bekas lapangan terbang itu nanti akan dibangunkan untuk tujuan lain yang menguntungkan.

Sambil menegaskan cadangan pembinaan lapangan terbang antarabangsa di Kedah tetap akan dilaksanakan walaupun timbul kontroversi dengan Pulau Pinang, Perdana Menteri berkata, ia juga adalah lapangan terbang untuk Pulau Pinang.

Sebahagian daripada tebus guna itu akan turut membabitkan perairan Pulau Pinang. Jambatan dan jalan raya akan dibina menghubungkan kawasan perindustrian di negeri itu dengan lapangan terbang yang bakal dibina selepas projek berkenaan mendapat kelulusan Penilaian Kajian Alam Sekitar (EIA).

"Lapangan terbang di Pulau Pinang tidak boleh diperbesarkan kerana kawasannya tidak luas. Ia akan digunakan sementara waktu dan kita percaya pertumbuhan akan berlaku dan Pulau Pinang tidak ada tempat (untuk pembesaran).

"Apabila lapangan terbang baru ini siap, maka beransur-ansur kita pindah sebahagian daripada kegiatan sehingga semuanya boleh berpindah ke tempat ini. Lapangan terbang ini bukan Kedah punya...Pulau Pinang pun terbabit juga.

"Ia lapangan terbang untuk utara Malaysia," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan bersama rakyat di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai kontroversi berhubung keputusan meluluskan pembinaan lapangan terbang di kawasan tebus guna bernilai RM30 bilion yang akan dibina oleh syarikat tempatan, Samudera Baru Darul Aman Sdn Bhd.

(END)